

PEMBEKUAN SEMENTARA PERMOHONAN BARU PROJEK HARTANAH MEWAH RM1 JUTA KE ATAS

Sedia pertimbang rayuan pemaju ikut kesesuaian



➔ Kementerian tubuh jawatankuasa khas teliti permohonan rasmi dapatkan pengecualian

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedia mempertimbang rayuan pemaju perumahan untuk terus membina projek hartanah mewah berharga RM1 juta ke atas, mengikut kesesuaian permohonan.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar, berkata pemaju yang berhasrat untuk meneruskan pembangunan hartanah mewah di tempat terpilih di bandar besar, boleh menghantar permohonan rasmi untuk mendapat pengecualian.

"Susulan itu, satu jawatankuasa di peringkat kementerian saya akan ditubuhkan untuk mempertimbang rayuan itu.

"Sama ada kelulusan akan diberikan, bergantung kepada keadaan semasa di kawasan berkenaan," katanya pada sidang media

di sini, semalam.

Jemaah Menteri sebelum ini membekukan sementara permohonan baharu oleh pemaju untuk membina kompleks beli-belah, bangunan pejabat, pangsapuri servis dan kondominium yang berharga RM1 juta ke atas.

Bagaimanapun, Noh berkata pihaknya menerima maklum balas daripada pelbagai pihak seperti Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) susulan pembekuan itu.

Bincang lebih awal

Berikutan itu, Kabinet melantik lima menteri iaitu Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan beliau untuk berbincang lebih lanjut.

"Hasil perbincangan pada minggu lalu itu, syor dibuat bahawa

pemaju yang berhasrat untuk meneruskan pembangunan hartanah mewah di bandar besar, boleh menghantar permohonan rasmi kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pengecualian.

"Walaupun kita dapati sejumlah 130,690 unit rumah mewah berharga RM1 juta ke atas belum terjual, kita sedia pertimbangkan mengikut kes bergantung kepada beberapa perkara termasuk sasaran pembeli, lokasi, harga tanah semasa dan keperluan di kawasan berkenaan.

"Kita faham, kalau di bandar besar seperti Kuala Lumpur terutamanya, satu meter persegi pun sudah mencecah ratusan ringgit. Selain itu, mengikut dasar kerajaan bagi rumah RM1 juta dan ke atas dibenarkan dijual kepada warga asing," katanya.

Noh berkata, pembinaan kompleks beli-belah dan bangunan pejabat tetap dibekukan bagi menangani lebihan hartanah komersial yang kosong.

Hasil perbincangan pada minggu lalu itu, syor dibuat bahawa pemaju yang berhasrat untuk meneruskan pembangunan hartanah mewah di bandar besar, boleh menghantar permohonan rasmi kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pengecualian"

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan